



20 Feb 2023

Kepada,

**Akauntan Negara Malaysia
Bahagian Khidmat Perunding
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 5, Perbendaharaan 2
No 7, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya
(u.p: Puan Anishah binti Abd Wahid)**

Puan,

PER : PEMBERITAHUAN HARGA DOMESTIK WPUA AIRASIA 2023 DAN PERTAMBAHAN CAJ TRANSIT BERMULA 20 MAC 2023

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera ,

Puan,

Seperti perkara tajuk, dan seperti yang dinyatakan di dalam perjanjian kontrak pukat dilampirkan harga Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) AirAsia tahun 2023 yang akan bermula pada 20 Mac 2023 untuk perhatian pihak puan.

Serentak dengan itu juga, ingin dimaklumkan bahawa pertambahan caj transit "*connecting fees*" bagi penerbangan domestik yang akan bermula serentak dengan harga baru WPUA 2023 pada 20 Mac 2023..

Sila rujuk jadual di bawah untuk perhatian pihak jabatan.

Caj Transit (per sektor)	Harga Lama	Harga Baru (20 Mac 2023)
	RM85.00	RM90.00

*Harga tidak termasuk cukai SST

Untuk makluman pihak puan, ini adalah penyelarasan biasa setiap tahun bagi mengimbangi kos-kos berkaitan harga tiket penerbangan..



Oleh itu, mohon perhatian pihak jabatan kepada perkara di bawah:

1. sebarang tempahan waran yang dikeluarkan pada atau sebelum 19 Mac 2023 adalah tertakluk kepada harga semasa seperti edaran pada 16 Jun 2022.
2. sebarang perubahan tarikh dan masa penerbangan bermula 20 Mac 2023 adalah tertakluk kepada harga terbaru dan caj perbezaan harga akan dikenakan (jika ada) dan akan ditanggung oleh pihak penumpang atau jabatan.

Diharapkan dengan pemberitahuan harga baru WPUA AirAsia ini kami dapat memberikan perkhidmatan yang baik dan berterusan kepada kakitangan kerajaan.

Sebarang pertanyaan boleh berhubung melalui emel di maa_gacsales@airasia.com.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'S. Hafizi Radzali'.

.....
S.Hafizi Radzali
AirAsia Berhad